

Kajian semula tahap ketahanan operasi Sains

SEREMBAN 28 Mei - Kajian semula akan dilakukan terhadap tahap ketahanan operasi Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains) dalam menghadapi persekitaran kenaikan kos elektrik, bahan pembersihan loji dan rawatan air serta menyelenggara paip air.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, sebagai sebuah entiti yang dikorporatkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air pada 2009, Sains perlu berhadapan situasi berkecenderungan yang di luar kawalan mereka dan pada masa yang sama hendaklah menjaga peranannya untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Rakyat maklum bahawa tarif air di Negeri Sembilan amat murah dan tidak pernah dinaikkan. Janganlah disebabkan faktor kebaikan yang disediakan oleh kerajaan negeri ini kita merasa tidak perlu berjimat dalam penggunaannya.

"Kita tidak tahu sejauh mana Sains boleh bertahan dengan kos operasi harian mereka disebabkan tekanan persekitaran dalam menguruskan bekalan air bersih kepada pengguna," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini hari ini.

Menurut Mohamad, antara faktor yang diberi penilaian itu adalah



MOHAMAD Hasan menyampaikan cenderamata kepada Dr. Asma Ismail (tengah) sambil diperhatikan oleh Pendaftar USIM, Muhammad Haizuan Rozali (kiri) ketika menerima kunjungan Naib Canselor USIM itu di Pejabat Menteri Besar di Seremban, semalam.

kos operasi di rumah pam dan loji rawatan yang meningkat disebabkan kenaikan tarif elektrik.

"Sebanyak 50 peratus kos operasi di kawasan loji bergantung kepada kuasa elektrik, selain bahan kimia

dalam rawatan air," katanya.

Pada masa yang sama, beliau memberitahu faktor lain adalah berkaitan penyelenggara paip lama dan menukar paip baharu, yang turut memerlukan kos tinggi.

pat memperoleh bayaran bil air untuk menampung kos operasinya. Ini bukan faktor kelemahan atau pengurusan yang tidak efisien, tetapi ini disebabkan faktor yang sukar untuk disekat berikutan keperluan dalam sektor yang terbabit," katanya.

Apa pun kata Mohamad, seorang keputusan kelak akan terlebih dahulu melihat kepentingan rakyat dan ia tidak akan dibuat sewenang-wenangnya tanpa kajian mendalam.

Mengenai ramalan kemarau, beliau berkata, kerajaan negeri sentiasa bersedia sedia menghadapinya dalam memastikan bekalan air terawat diterima pengguna dan tidak mengganggu kehidupan harian mereka.

Mohamad selepas sidang akhbar itu menerima kunjungan Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Datuk Dr. Asma Ismail yang akan bertukar ke Kementerian Pendidikan pada 1 Jun ini, di pejabat beliau di Wisma Negeri.

Dr. Asma dilantik sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi di Jabatan Pengajian Tinggi di Kementerian berkenaan menggantikan Prof. Datuk Dr. Morshidi Sirat yang bersara, manakala jawatan Naib Canselor USIM yang baharu akan diumumkan pada hujung bulan ini.

"Kajian sudah dibuat dan akan dinilai semula. Sebagai syarikat yang dikorporatkan dan bukan jabatan kerajaan, tentulah Sains memerlukan modal untuk beroperasi.

"Sekurang-kurangnya Sains da-